

DD18

R B279 BAH
MAHATHIR - POLIS

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MENGUMUMKAN RANCANGAN KILAT SELAMA TIGA TAHUN UNTUK MEMBELI DAN MEMBINA SEJUMLAH 9,369 RUMAH BAGI MENGATASI MASALAH PERUMAHAN ANGGOTA POLIS, TERUTAMA DI KAWASAN BANDAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, RANCANGAN ITU YANG MELIBATKAN PEMBELIAN RUMAH YANG TELAH SIAP DAN SEDANG DIBINA DIJANGKA MELIBATKAN BELANJA HAMPIR \$500 JUTA.

DI BAWAH RANCANGAN ITU SEBANYAK 7,432 UNIT BERTERANGA \$411.6 JUTA AKAN DIBELI DARIPADA PEMAJU SWASTA DAN PEMBINAAN 1,937 UNIT BERNILAI \$88.4 JUTA DI TANAH MILIK POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM), KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERDIALOG DENGAN WAKIL-WAKIL TIGA PERSATUAN ANGGOTA POLIS DI IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN, DI SINI.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENDENGAR TAKLIMAT TAHUNAN SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM OLEH PARA PEGAWAI TINGGI PDRM YANG DIKETUAI OLEH KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI DATUK WAN SIDEK ABDUL RAHMAN MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA PROJEK ITU AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA 80 PERATUS ANGGOTA POLIS DI LEMBAH KLANG, KUALA LUMPUR, PULAU PINANG, JOHOR BAHRU, SEREMBAN, KUALA TERENGGANU, BUKIT FRASER, KANGAR, ALOR SETAR DAN MELAKA. -- LAGI
1931MST 05 04 90

DD19

R B280 BAH
MAHATHIR - POLIS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, RANCANGAN ITU LEBIH MENEKANKAN KEPADA PERUMAHAN PANGSA LIMA TINGKAT ATAU LEBIH UNTUK KEMUDAHAN ANGGOTA PANGKAT RENDAH YANG SELAMA INI MENGHADAPI BEBAN SEWA RUMAH YANG TINGGI DAN TIDAK DAPAT DITAMPUNGI OLEH ELAUN PERUMAHAN MEREKA.

DATUK WAN SIDEK BERKATA, BELIAU AKAN MEMPENGERUSIKAN SEBUAH JAWATANKUASA KHAS UNTUK MENGENDALIKAN RANCANGAN ITU DENGAN DIANGGOTAI OLEH TAN SRI HANIFF, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEWANGAN TAN SRI ZAIN AZRAAI ZAINAL ABIDIN, KETUA PENGARAH UNIT PERANCANGAN EKONOMI DATUK MOHD SHERIFF MOHD KASSIM DAN SEORANG TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA JABATAN PERDANA MENTERI.

TAMBAH BELIAU, SEJUMLAH 660 UNIT RUMAH AKAN DIBELI DALAM TEMPOH TUJUH BULAN AKAN DATANG DI BAWAH RANCANGAN ITU.

MENURUTNYA, BILANGAN RUMAH KEDIAMAN POLIS KETIKA INI IALAH KIRA-KIRA 33,000 UNIT BERBANDING DENGAN BILANGAN ANGGOTA SERAMAI KIRA-KIRA 76,000.

DATUK WAN SIDEK BERKATA, RANCANGAN PERUMAHAN PDRM YANG SEDIA ADA AKAN DITERUSKAN UNTUK MENCAPI MATLAMAT PEMBINAAN 10,000 UNIT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML). SETAKAT INI, SEJUMLAH 4,064 UNIT RUMAH BERNILAI \$200.5 JUTA TELAH DISIAPKAN MANAKALA 3,814 UNIT BERNILAI \$221 JUTA SEDANG DILAKSANAKAN DI BAWAH RML. -- LAGI
1933MST 05 04 90

D024

R B285 BAH

MAHATHIR - POLIS 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KETIGA-TIGA PERSATUAN ITU -- PERSATUAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN POLIS, PERSATUAN PEGAWAI-PEGAWAI PANGKAT RENDAH DAN PERSATUAN CAWANGAN INSPEKTOR -- JUGA MEMINTA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI MENIMBANGKAN SEMULA KELAYAKAN UNTUK MENGANGGOTAI PASUKAN POLIS SEBAGAI KONSTABEL.

DATUK WAN SIDEK BERKATA, PERDANA MENTERI MENCADANGKAN AGAR DIADAKAN SATU LAGI DIALOG UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU MEMANDANGKAN BELIAU KETIKA ITU TELAH KESUNTUKAN MASA.

KELAYAKAN BAGI MENJADI SEORANG KONSTABEL POLIS KETIKA INI IALAH KELULUSAN SIJIL RENDAH PELAJARAN (SRP).

KETIKA DITANYA SAMA ADA ELAUN PERUMAHAN ANGGOTA POLIS MUNGKIN DINAikkan, BELIAU BERKATA, MASALAH PERUMAHAN POLIS PERLU DISELESAIKAN TERLEBIH DAHULU. -- BERNAMA
1943MST 05 04 90